

**SWINAS**  
**dampingi**  
**mahasiswa**  
**seluruh**  
**negara**

**Kuala Lumpur:** Pergerakan Puteri UMNO semalam menubuhkan Sekretariat Mahasiswi Nasional (SWINAS), inisiatif bagi menambah nilai kepada proses peremajaan parti supaya bergerak seiring dengan perkembangan semasa parti.

Ketuanya Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata, SWINAS ditubuhkan bertujuan mendampingi golongan mahasiswi di seluruh institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan seluruh negara.

“SWINAS bukan hanya terbuka kepada mahasiswi, malah kepada alumni universiti yang pernah menjadi mahasiswi untuk bersama-sama membantu memperjuangkan hak dan masalah dalam universiti,” katanya selepas majlis perasmian SWINAS yang disempurnakan Presiden UMNO Datuk Seri Najib Razak di PWTC, semalam.

Beliau berkata, inisiatif penubuhan SWINAS juga membuktikan pergerakan itu tidak pernah melupakan peranannya mendalami seterusnya membantu menyelesaikan masalah mahasiswi di IPT.

“Isu membabitkan mahasiswi menjadi tumpuan utama SWINAS dan selepas ini kita akan bergerak secara menyeluruh dengan pergi ke seluruh universiti untuk mencari pemimpin dan pelajar yang boleh diserapkan dalam jawatankuasa SWINAS. 80 peratus agenda SWINAS memfokuskan kepada isu berkaitan mahasiswi,” katanya.

SWINAS setakat ini mempunyai 50 ahli jawatankuasa terdiri mahasiswi semua universiti di seluruh negara dan ahli berdaftarnya setakat semalam berjumlah 170 orang.

Beliau berkata, SWINAS juga memberi tumpuan kepada masalah pengangguran dan akan membantu graduan mendepani rintangan selepas belajar seperti cabaran mendapatkan pekerjaan.

Pelajar jurusan perakaunan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Suhaili Mahmud, 20, berkata, penubuhan SWINAS memberi satu penanda aras kepada mahasiswi untuk memahami peranan mereka kepada masyarakat.

“SWINAS mempunyai rangkaian di pelbagai universiti tempatan seperti UKM, UPM, UiTM, UPSI, UTHM dan UM dan kita di universiti mempunyai persatuan mahasiswi dipanggil Srikandi Kebangsaan UKM yang banyak memberi kesedaran kepada mahasiswi bagaimana untuk mempunyai pemikiran dan menzahirkan diri sebagai pemimpin,” katanya.

Rakannya, Farah Nurfilza Sabtu, 20, berkata, penubuhan SWINAS itu sekurang-kurang dapat melahirkan semangat kesukarelawan dalam diri mahasiswi di negara ini.